

Pakatan sudah bersedia hadapi PRU 13
Malaysian Insider
4 September, 2012
Oleh Mohd Farhan Darwis

KUALA LUMPUR, 4 Sept — Pakatan Rakyat (PR) hari ini mengatakan sudah bersedia untuk menghadapi pilihan raya umum (PRU) ke-13 pada bila-bila masa memandangkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak sebelum ini membayangkan pilihan raya mungkin akan dilaksanakan pada November.

Menurut Setiausaha Agung PAS, Datuk Mustafa Ali (gambar), bayangan Najib itu menunjukkan kemungkinan bahawa pilihan raya akan dilaksanakan pada November dan angka 11 November itu juga menurutnya boleh diguna pakai.

“Akhir-akhir ini semacam ada indikasi PRU akan diadakan pada tahun ini, pada November.

“Pandangan ramai tentang nombor magik itu boleh diterima pakai tapi belum tentu dia (Umno) bernasib baik ke tidak,” kata Mustafa ketika sidang media selepas Mesyuarat Majlis Setiausaha Pakatan Rakyat (PR) di Pejabat Agung PAS di sini.

Jelas beliau lagi, pilihan raya umum juga pernah diadakan pada November sebelum ini dan Umno mengalami kekalahan teruk pada ketika itu.

“Tapi kita pernah adakan pilihan raya pada November tapi Umno kalah teruk,” katanya merujuk kepada pilihan raya umum ke-10 pada 1999.

“Paling cepat PRU November ... paling lambat tahun hadapan,” tambahnya lagi.

Justeru, jelas Mustafa, PR telah bersedia hampir 100 peratus untuk menghadapi kemungkinan pilihan raya diadakan dalam masa terdekat.

“PR telah bersedia, hampir seratus peratus ... kita telah bersedia lama,” tegasnya lagi.

Najib pada Ahad “membayangkan” PRU 13 mungkin diadakan November ini.

“Tahun ini amat unik, genap 66 tahun usia Umno, 55 tahun negara mencapai kemerdekaan dan Umno sudah bertapak selama 22 tahun di Sabah.

“11 darab 6 (Umno), 11 darab 5 (merdeka), 11 darab 2 (Umno Sabah), semuanya ada kaitan dengan angka 11,” katanya ketika berucap pada perasmian serentak mesyuarat perwakilan Umno Bahagian Sandakan, Kinabatangan, Libaran, Batu Sapi dan Beluran (Umno Zon 5). Sidang media hari ini turut dihadiri Ahli Parlimen Lembah Pantai Nurul Izzah Anwar, Ahli Parlimen Rasah Anthony Loke, Ahli Parlimen Batu Chua Tian Chang, serta Ahli Parlimen Seputeh Teresa Kok.

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pakatan-sudah-bersedia-hadapi-pru-13/>